

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 2, 2019 10:01 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Rangkul 12 Emas I-RIA 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

02 MEI 2019 / 26 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM RANGKUL 12 EMAS I-RIA 2019



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya merangkul 12 pingat emas pada Pameran Innovative Research, Invention and Application (I-RIA) 2019 yang berlangsung selama dua hari di Dewan Mu'adzam Shah baru-baru ini.

Selain merangkul pingat emas, UUM turut menerima 17 pingat perak dan 32 pingat gangsa menerusi pelbagai projek inovasi penyelidikan dan juga pelajar universiti ini.

I-RIA 2019 menerima penyertaan sebanyak 228 melibatkan universiti/politeknik/kolej (167), sekolah rendah dan menengah (56), agensi/syarikat swasta (3) dari seluruh Malaysia serta dua penyertaan dari luar negara (Indonesia).

Daripada jumlah tersebut, UUM telah menghantar 75 projek untuk dipertandingkan dalam pameran selama dua hari itu.

Pemenang pingat emas, Dr. Muhammad Muhaizam Musa dari Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) berkata, kejayaan itu mendorongnya untuk membawa hasil inovasi tersebut ke peringkat lebih tinggi lagi dengan menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa menjelang 2020.

Menurutnya, beliau menggunakan Microsoft Teams dan Microsoft Onenote ketika di dalam kelas pada semester ini dan menggunakan aktiviti pelajar dalam kedua-dua aplikasi termasuk Flipgrid untuk mendengar refleksi mereka tentang bagaimana mereka belajar.

Beliau memenangi pingat emas bagi projek 21st Century Learning - My Student Collaborate and Reflect.

"Aplikasi ini merupakan satu interaktif yang menarik dengan menggunakan Microsoft dan semua aplikasi yang saya guna ini boleh digunakan oleh semua pensyarah UUM melalui akses Office 365," katanya.

Pingat emas bagi kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) turut dimenangi pasukan dari Kolej Vokasional Pasir Mas yang diketuai Zainuri Mat@Muhammad dengan projrak IP Calculator Ver 2.0.

Menurutnya, kelebihan Protokol Internet (IP) Calculator adalah ia mudah digunakan, mesra pengguna dengan paparan interaktif, mudah difahami dengan paparan visual Sub Networking bagi IP Address berserta Network dan Broadcast IP.

"IP Calculator adalah aplikasi untuk mengira IP Address secara mudah yang memberikan pengguna satu kaedah cepat dan interaktif untuk mengira subnet dan host tersedia.

"Aplikasi ini menjimatkan masa pengiraan IP Address, mengatasi masalah kesilapan, memudahkan proses untuk mengenalpasti Network ID yang tepat dan boleh menyemak status penyambungan serta kesahihan IP," katanya.

Projek tersebut turut dibangunkan bersama pensyarah, Asniza Musa dan Nor Azliza Shariff dengan pelajar, Muhammad Faizi Fauzi dan Muhamad Firdaus Faisal.

Perasmian penutup I-RIA telah disempurnakan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin, seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang bersama Penolong Naib Canselor UUM CAS, Prof. Dr. Huda Ibrahim.

Turut disampaikan Anugerah Khas iaitu Anugerah Inovasi Cilik ICC, Anugerah Khas TNC P&I, Anugerah Inovasi Khas MyRIS, Anugerah Industri POS Digicert, Anugerah Khas commercedotcom dan Anugerah Institusi Produktif.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.